

VI. PENUTUP

6.1 Rumusan

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa Penubuhan Majlis telah membuka satu lembaran baru dalam pengurusan zakat di negeri Kelantan. Berbanding dengan pengurusan zakat sebelumnya iaitu pada tahun 1915 di mana tidak terdapatnya saluran yang formal dan peruntukan khusus atau peraturan tertentu mengenai pentadbiran zakat. Dengan kata lain aspirasi semasa masyarakat untuk melihat zakat sebagai mekanisme kebajikan dan pencorak kepada pembangunan ummah di negeri Kelantan telah dapat dijanakan sepenuhnya oleh Majlis.

Satu perkara yang unik di sini ialah Majlis bertindak sebagai satu-satunya badan induk dan cawangan keseluruhan bagi daerah-daerah yang terdapat di negeri ini. Ini kerana keseluruhan pengurusan zakat bagi setiap daerah di negeri Kelantan adalah diuruskan oleh Majlis dengan tidak mewujudkan cawangan-cawangan yang bertindak sebagai membantu Majlis bagi pengurusan zakat di setiap daerah.

Berdasarkan apa yang telah dibincangkan sebelum ini beberapa rumusan yang dapat penulis kenal pasti mengenai undang-undang zakat di negeri Kelantan dan pengagihan zakat yang berlaku di kalangan *asnaf fi sabilillah* adalah sebagaimana berikut:-

- i) Pihak Majlis telah memperuntukkan suatu jumlah agihan yang besar ke atas *asnaf fī sabīlillāh* iaitu melebihi RM2 juta selama hampir sepuluh tahun. Ini bagi menampung keperluan dan penyelenggaraan aktiviti-aktiviti yang melibatkan *asnaf* ini. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan kerangka aktiviti *asnaf* ini yang terlalu luas dan meliputi badan-badan dan pertubuhan serta penyelenggaraan masjid-masjid.

- ii) Dari segi perkembangan perundangan zakat di negeri Kelantan, menunjukkan kepada kita akan inisiatif yang telah dimainkan oleh Majlis bagi mewujudkan suatu peruntukan zakat yang mantap dan lebih bersifat semasa. Ini jelas melalui pindaan-pindaan yang dilakukan iaitu sebanyak lima kali dalam tempoh 86 tahun ke atas Undang-Undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Pindaan terakhir yang dibuat iaitu ke atas Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 bolehlah disifatkan sebagai langkah prihatin Majlis bagi melihat Pentadbiran Agama Islam dan peraturan yang berkaitan dengan zakat diselaraskan dengan keperluan semasa dan mengikut apa yang dikehendaki oleh Undang-undang Tubuh Negeri Kelantan dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

- iii) Sistem agihan zakat yang dilaksanakan oleh Majlis bolehlah dikatakan telus dan bersifat terbuka tanpa mengira latar belakang, sentimen dan fahaman politik semasa yang berlaku di negeri Kelantan. Dalam hal ini semua *asnaf* layak mendapatkan habuan masing-masing berdasarkan kepada pengenalan aktiviti dan orientasi masing-masing.

- iv) Sistem anggaran tahunan yang dibuat oleh Majlis merupakan satu “unjuran berkala” bagi Majlis agar setiap *asnaf* berhak mendapat habuan masing-masing mengikut keperluan yang munasabah. Ini bagi mengelakkan berlakunya lebih agihan berbanding sumber kutipan yang diperolehi dan bagi memastikan perolehan agihan bagi setiap *asnaf* zakat mencukupi.

- v) Pengenalan Sistem Akaun Bersepadu yang dilaksanakan oleh Unit Kewangan Majlis adalah merupakan satu-satunya usaha Majlis bagi melihat segala urusan keluar masuk perbelanjaan Majlis dicatat dan diselaraskan. Selain itu ia bertujuan untuk memudahkan kerja-kerja penyemakan data-data dan pembentangan perbelanjaan tahunan yang akan dibentangkan pada setiap akhir tahun.

Berdasarkan rumusan di atas jelaslah kepada kita bahawa Majlis sentiasa peka dengan keperluan semasa bagi mewujudkan sebuah organisasi pentadbiran agama

yang cekap amnya dan begitu juga mengenai pentadbiran zakat khasnya. Walau bagaimanapun sepanjang pengamatan penulis untuk menyiapkan disertasi ini dan isu-isu semasa yang berkaitan dengan zakat, beberapa kelemahan telah dapat dikenal pasti. Kelemahan tersebut dapatlah penulis rumuskan sebagaimana yang terdapat dalam saranan di bawah.

6.2 Saranan

Di antara beberapa saranan yang dapat penulis kemukakan di sini berhubung dengan subjek kajian ialah:-

- i) Penyatuan badan agama di negeri Kelantan iaitu Majlis dan JHEAK. Ini bagi mengelakkan berlakunya pertindihan fungsi (overlapping) tugas badan agama di negeri Kelantan. Penubuhan Majlis dan JHEAK walaupun secara teorinya tidak menampakkan berlakunya pertindihan tugas, namun secara tersiratnya jika penulis fokuskan kepada pengagihan zakat di negeri Kelantan ialah Majlis tidak dapat menggunakan saluran Pejabat Agama di setiap daerah di negeri Kelantan bagi mengemaskinikan kerja-kerja berkaitan zakat bagi setiap daerah.

Apa yang ada hanyalah saluran yang agak kecil iaitu melalui Imam-Imam Masjid mukim dan daerah yang dilantik oleh Majlis. Sedangkan

senarai tugas Imam itu sendiri untuk menyelia kemajuan anak mukimnya sudah terlalu banyak. Oleh itu bagaimanakah kerja-kerja berkaitan dengan pengagihan zakat bagi keseluruhan daerah di negeri Kelantan dapat dilaksanakan dengan semaksima mungkin dengan hanya melalui Imam-Imam tadi. Oleh itu perlu diwujudkan Jawatan Penolong Pegawai Zakat di setiap daerah bagi menyelenggarakan kerja-kerja yang berkaitan dengan pengagihan zakat khasnya dan lain-lain urusan yang berkaitan.

- ii) Mengeluarkan fatwa khusus mengenai agihan zakat ke atas *asnaf fi sabilillah*. Walaupun pada masa kini tidak terdapatnya sebarang masalah mengenai agihan terhadap *asnaf* ini, namun kelekaan Majlis untuk mengeluarkan garis panduan mengenai kerangka aktiviti *asnaf* ini dikhuatirkan akan menyebabkan ada sesetengah pihak yang cuba mengambil kesempatan di atas interpretasi umum yang dipakai oleh majlis ke atas *asnaf* tersebut. Sebagai contohnya agihan kepada pertubuhan-pertubuhan politik, adakah dibolehkan atau sebaliknya.
- iii) Penubuhan Jawatankuasa Agihan Zakat Majlis. Ini lebih praktikal bagi mewujudkan pengagihan zakat yang lebih telus dan cekap. Penekanan yang perlu ialah keanggotaan ahli jawatankuasa ini mestilah terdiri dari mereka yang pakar mengenai hukum zakat dan ahli luar (panel luar) yang

bertindak sebagai pengimbang (check and balance) agar tidak berlakunya bias dalam agihan yang dilaksanakan.

- iv) Mengemaskinikan undang-undang zakat yang ada. Ini kerana kebanyakan seksyen yang diperuntukkan adalah lebih tertumpu kepada agihan zakat fitrah, bidang kuasa amil, taksiran dan kesalahan-kesalahan berhubung dengan zakat. Oleh itu penditilan mengenai takrifan syarak, *asnaf* dan sistem agihan zakat Majlis secara keseluruhannya adalah diperlukan agar aspirasi semasa masyarakat dapat diwujudkan dan kekeliruan dapat dielakkan.
- v) Sistem akaun yang lebih sistematik. Apa yang penulis lihat masih terdapat lagi ketidakselarasan mengenai data-data agihan yang dikemukakan oleh setiap bahagian berbanding dengan data induk yang dikeluarkan oleh Bahagian Kewangan Majlis. Sepatutnya perkara ini tidak berlaku dan bagi melengkapkan lagi proses ini, ia perlu disokong dengan tatacara kewangan secara '*on line*', sistem perakaunan dan pengurusan secara korporat.

6.3 Kesimpulan

Memandangkan kepada tuntutan semasa dan isu-isu yang timbul sekarang seperti penubuhan Lembaga Urusan Zakat Malaysia (LUZAM), kegagalan fungsi zakat bagi membantu golongan fakir dan miskin dan ketelusan agihan, maka sudah sampai masanya bagi Majlis untuk menggerakkan lagi fungsi zakat ke arah yang lebih aktif dan produktif dalam mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang progresif. Apa yang penulis maksudkan ialah ketelusan dalam agihan yang dilaksanakan di mana setiap *asnaf* mendapat habuan yang sepatutnya. Biarlah menjelang era 'Millennium' ini kegemilangan masyarakat Islam seperti zaman Khalifah 'Umar yang kedua menjelma kembali di mana sudah tidak ada lagi fakir miskin untuk menerima agihan zakat. Selain itu juga segala prasangka dan sikap prejudis masyarakat terhadap organisasi zakat di Malaysia dapat dikikis sepenuhnya.